# SENARAI
# DARJAH KEBESARAN & GELARAN MELAYU

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

# SENARAI
# DARJAH KEBESARAN & GELARAN MELAYU

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

# SENARAI DARJAH KEBESARAN & GELARAN MELAYU

Edisi ke-3

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia
Kuala Lumpur
2014

Cetakan Pertama 2014
© Perpustakaan Negara Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Diterbitkan oleh:
Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur
03-2687 1700
03-2694 2490
www.pnm.gov.my
www.facebook.com/PerpustakaanNegaraMalaysia
blogpnm.pnm.gov.my
twitter.com/PNM_sosial

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Senarai darjah kebesaran & gelaran Melayu. – Ed. ke-3
ISBN 978-967-931-257-7
1. Directions of honour – Malaysia.
2. Titles of honour and nobility – Malaysia.
I. Perpustakaan Negara Malaysia. Pusat Bibliografi Negara.
929.709595

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Sekapur sirih Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia ............... | i |
| Prakata ........................................................................ | ii |
| Penghargaan ................................................................... | iii |
| Pengenalan ..................................................................... | iv |
| Persekutuan ................................................................... | 1 - 4 |
| Pahang .......................................................................... | 5 - 9 |
| Perak ............................................................................. | 10 - 16 |
| Terengganu .................................................................... | 17 - 22 |
| Perlis ............................................................................. | 23 - 25 |
| Selangor ........................................................................ | 26 - 29 |
| Negeri Sembilan ............................................................. | 30 - 32 |
| Johor ............................................................................. | 33 - 35 |
| Kelantan ........................................................................ | 36 - 41 |
| Kedah ............................................................................ | 42 - 48 |
| Sarawak ......................................................................... | 49 - 51 |
| Pulau Pinang ................................................................. | 52 - 53 |
| Melaka ........................................................................... | 54 - 56 |
| Sabah ............................................................................. | 57 - 58 |
| Wilayah Persekutuan ...................................................... | 59 - 60 |
| Contoh-contoh entri dalam pengkatalogan untuk gelaran Melayu .......... | 61 |
| Bibliografi ...................................................................... | 62 - 63 |


PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

## *Sekapur Sirih*

**Ketua Pengarah**
**Perpustakaan Negara Malaysia**



Syukur Alhamdulillah diucapkan kerana Perpustakaan Negara Malaysia telah berjaya menghasilkan buku Senarai Darjah Kebesaran dan Gelaran Melayu. Saya sedar usaha ini bukan mudah untuk dilaksanakan tetapi kesungguhan yang ditunjukkan untuk menerbitkan buku ini menunjukkan sikap positif yang patut dipuji.

Negara ini mengamalkan sistem pemerintahan raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen. Pemerintahan beraja di Malaysia dikatakan paling unik berbanding negara lain yang mengamalkan pemerintahan beraja. Ini kerana di negara-negara berkenaan takhta pemerintahan terus kekal dikuasai waris tetapi di Malaysia, Raja yang memegang jawatan sebagai ketua negara atau dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong bertukar mengikut giliran dalam kalangan sembilan Sultan atau Raja yang memerintah negeri. Pemilihan Yang di-Pertuan Agong yang mula dilaksanakan ketika negara mencapai kemerdekaan pada 1957 adalah cukup bermakna kerana ia melambangkan keyakinan rakyat terhadap sistem pemerintahan demokrasi.

Saya yakin dengan penghasilan buku ini dapat menjadi sumber rujukan yang sangat berguna kepada pihak-pihak yang terlibat dengan pengkatalogan bahan perpustakaan dan juga kepada yang terlibat dengan pengurusan majlis rasmi serta individu yang ingin membuat penyelidikan tentang darjah-darjah kebesaran di Malaysia.

Akhir kata saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dan yang memberikan kerjasama dalam memastikan penerbitan buku ini diterbitkan tepat pada masanya.

**Dato' Raslin Bin Abu Bakar**

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# *Prakata*

Buku *Senarai Darjah Kebesaran dan Gelaran Melayu* ini adalah merupakan edisi yang ketiga. Edisi ini telah mengemaskini darjah-darjah kebesaran dan gelaran-gelaran Melayu yang terkini. Senarai Darjah Kebesaran dan Gelaran Melayu ini telah disusun oleh Jawatankuasa Standard, Pusat Bibliografi Negara, Perpustakaan Negara Malaysia.

Senarai ini mengandungi latar belakang sejarah, geografi, sistem pemerintahan, senarai pemerintah negeri, gelaran-gelaran diraja, gelaran-gelaran turun-temurun dan darjah kebesaran, bintang dan pingat bagi setiap negeri-negeri di Malaysia. Gelaran-gelaran ini didefinisikan sebagai tambahan kepada nama yang menunjukkan tanda penghargaan dan penghormatan yang dianugerahkan kepada seseorang individu di atas sumbangan jasanya, kedudukan jawatan atau keturunan diraja.

Gelaran-gelaran diraja merupakan gelaran yang dipusakai turun-temurun dan yang diberi jawatan diraja. Bagi negeri-negeri yang mengamalkan sistem beraja, ketua negerinya memakai gelaran 'Sultan', 'Al-Sultan', 'Tuanku' atau 'Yang Di-Pertuan Besar'. Bagi isteri-isteri ketua negeri ini memakai gelaran yang sedarjat.

Darjah-darjah kebesaran adalah suatu sistem pemberian gelaran kehormat oleh pemerintah kepada sesiapa yang telah menunjukkan jasa bakti kepada negeri dan negara serta khas untuk penyandangnya. Isteri-isteri penyandang lelaki yang dikurniakan darjah-darjah kebesaran memakai gelaran yang sedarjat. Namun bagi suami-suami penyandang perempuan tidak menerima apa-apa gelaran. Gelaran-gelaran 'Tun' dan 'Tan Sri' dianugerahkan di peringkat Persekutuan.

Gelaran-gelaran turun-temurun merupakan gelaran yang dipusakai dari satu generasi ke satu generasi.

Bagi negeri-negeri yang mengamalkan sistem beraja, ejaan gelaran dato ialah Dato' manakala di peringkat Persekutuan, negeri-negeri Melaka, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang, ejaannya ialah Datuk.

Bagi menjadikan bahan terbitan Perpustakaan Negara Malaysia ini sebagai satu sumber rujukan yang sahih dan berkualiti, adalah penting bagi Jawatankuasa Standard Pusat Bibliografi Negara berhubung dan mendapatkan maklumat dari pihak Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan setiap negeri-negeri.

Walaupun kami berusaha keras untuk memastikan buku ini dapat diterbitkan dengan sempurna, namun kami akur bahawa buku ini mungkin terdapat beberapa kelemahan yang tidak disengajakan. Penerbitan buku ini diharapkan dapat dijadikan panduan dalam bidang pendokumentasian bahan perpustakaan serta sebagai panduan kepada penyelidik, individu atau organisasi yang terlibat dalam pengurusan majlis rasmi dan protokol.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# Penghargaan

Pihak Perpustakaan Negara Malaysia ingin mengucapkan terima kasih kepada semua penyumbang di atas sokongan yang diberikan sehingga buku ini berjaya diterbitkan. Penerbitan buku ini tidak akan berjaya tanpa sokongan, dorongan dan sumbangan daripada beberapa pihak dan individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sehingga buku ini berjaya diterbitkan.

Ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan khas kepada:

- Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Negeri Sembilan
- Setiausaha Jumaah Majlis Diraja Johor
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
- Pejabat Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
- Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Akhir sekali, pihak penerbitan buku ini mengharapkan segala sokongan, dorongan dan sumbangan yang telah diberikan akan terus berkekalan untuk penerbitan yang akan datang.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# *Pengenalan*

## Asal-usul Kesultanan Melayu

Sejarah Kerajaan Kesultanan Melayu di Malaysia telah bermula dari kerajaan Langkasuka purba dan Kerajaan Melayu Melaka. Kebanyakan Kesultanan negeri di Malaysia berakar dari Kerajaan Melayu Melaka yang diasaskan oleh Parameswara pada tahun 1400 Masihi.

Institusi Raja Berperlembagaan merupakan institusi tertinggi dalam Perlembagaan Malaysia kerana selari dengan amalan demokrasi berparlimen di negara ini. Institusi Yang di-Pertuan Agong menduduki tangga teratas hierarki kuasa pemerintahan Persekutuan Malaysia dan mempunyai kedudukan istimewa seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Kedudukan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara bagi Persekutuan Malaysia termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan. Sebagai Ketua Negara, baginda menjadi lambang kedaulatan, ketaatan, perpaduan, kebesaran dan kemuliaan negara.

Baginda dipilih daripada sembilan orang raja yang memerintah di sembilan buah negeri persekutuan iaitu Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Maka dengan pemilihan itu, Yang di-Pertuan Agong ialah orang yang terutama sekali di Malaysia, manakala Raja Permaisuri Agong orang kedua tertinggi kedudukannya selepas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pemilihan Yang di-Pertuan Agong ini dibuat melalui undian sulit oleh sembilan orang raja-raja Melayu. Apabila seseorang raja yang ditawarkan menjadi Yang di-Pertuan Agong menerima tawaran tersebut, maka Majlis Raja-raja akan mengisytiharkan baginda dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong dan Penyimpan Mohor Besar Raja-raja akan memberitahu keputusan pemilihan itu secara bertulis kepada kedua-dua Dewan Parlimen iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

# PERSEKUTUAN






PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# PERSEKUTUAN

## Sejarah

Pada 31 Ogos 1957, Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Selepas merdeka, Tunku Abdul Rahman telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan British supaya Brunei, Sabah dan Sarawak digabungkan dengan Persekutuan Tanah Melayu menjadi Malaysia. Namun, Kerajaan British menolak cadangan itu kerana Singapura diketepikan. Sementara itu, Lee Kuan Yew, Ketua Menteri Singapura pada masa itu juga menyarankan percantuman Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu. Cadangan Lee Kuan Yew ditolak oleh Tunku Abdul Rahman. Namun begitu, senario politik yang berlaku di Singapura mengubah sikapnya terhadap saranan Lee Kuan Yew. Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman dalam ucapannya di Persidangan Wartawan-wartawan Luar Negeri di Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura mencadangkan supaya Brunei, Sabah, Sarawak dan Singapura digabungkan dengan Tanah Melayu membentuk Persekutuan Malaysia. Cadangan ini menimbulkan pelbagai reaksi.

Pada 23 Julai 1961, Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM) ditubuhkan. JPPM memberi peluang kepada pemimpin di Sabah dan Sarawak untuk mengemukakan pandangan memandangkan mereka masih menentang gagasan. Akhirnya Sabah dan Sarawak menerima gagasan ini dan menyusun satu memorandum untuk dihantar kepada Suruhanjaya Cobbold. Suruhanjaya ini kemudian menjalankan tugasnya iaitu meninjau pandangan rakyat Sabah dan Sarawak dan membuat syor perlembagaan baru. Kemudian pada Ogos 1962, Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) ditubuhkan bagi merangka Perlembagaan Malaysia. JAK mengeluarkan laporannya pada 27 Februari 1963. Laporan ini diterima dan diluluskan. Berdasarkan laporan ini, Perjanjian Malaysia ditandatangani di London pada 9 Julai 1963. Pada 16 September 1963, Persekutuan Malaysia telah diisytiharkan.



## Geografi

Malaysia ialah sebuah negara persekutuan yang terdiri daripada tiga belas (13) negeri dan tiga (3) Wilayah Persekutuan. Sebelas negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan dua Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur dan Putrajaya terletak di Semenanjung Malaysia. Manakala dua negeri iaitu Sabah dan Sarawak serta satu Wilayah Persekutuan iaitu Labuan terletak di kepulauan Borneo. Semenanjung Malaysia, meliputi seluas 132,722 kilometer persegi bersempadan dengan negara Thai di utara dan Singapura di selatan manakala Sabah yang seluas 73,631 kilometer persegi dan Sarawak yang seluas 124,450 kilometer persegi bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia. Malaysia berhampiran dengan Khatulistiwa antara garisan lintang 1 dan 7 Utara dan garisan bujur 100 dan 119 Timur dan tertakluk kepada pengaruh laut dan perubahan sistem angin yang bertiup dari Lautan Hindi dan Laut China Selatan. Iklim Malaysia terbahagi kepada musim monsun barat daya dan monsun timur laut. Purata suhu di hampir keseluruhan Malaysia ialah antara 21 darjah Celsius hingga 32 darjah Celsius. Kelembapannya dikatakan agak tinggi.

Kuala Lumpur ialah ibu negara Malaysia. Malaysia mempunyai jumlah penduduk kira-kira 28,334,135 orang (bancian penduduk tahun 2010). Daripada jumlah ini, 67.4 % adalah kaum

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Bumiputera, 24.6 % kaum Cina, 7.3 % kaum India dan 0.7% lain-lain kaum. Purata kepadatan penduduk Malaysia adalah 86 orang setiap kilometer persegi.

## Sistem Pemerintahan

Malaysia mengamalkan pemerintahan mengikut konsep Raja Berperlembagaan. Sistem pemerintahan yang mengekalkan raja sebagai pemerintah tertinggi. Pemerintah dibantu oleh Perdana Menteri. Sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia. Yang di-Pertuan Agong bertindak berdasarkan perlembagaan dan atas nasihat Perdana Menteri. Yang di-Pertuan Agong dipilih daripada kalangan raja negeri-negeri Melayu daripada sembilan buah negeri secara bergilir-gilir setiap lima tahun. Pemilihannya berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia. Malaysia ialah sebuah negara Persekutuan. Persekutuan bermaksud penyatuan beberapa buah negeri yang mempunyai sebuah kerajaan Persekutuan serta beberapa buah kerajaan negeri. Kedua-dua kerajaan ini menjalankan tugas berdasarkan kuasa yang yang diperuntukan dalam Perlembagaan Malaysia.

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

# SALASILAH YANG DI-PERTUAN AGONG

| Pemerintah | Tahun Pemerintahan |
|---|---|
| Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad | 1957 - 1960 |
| Tuanku Hisamuddin Alam Shah Al-Haj ibni Almarhum Sultan Alaeddin Sulaiman Shah | 14 April 1960 – 1 September 1960 |
| Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail | 1960 - 1965 |
| Tuanku Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin III | 1965 - 1970 |
| Tuanku Alhaj Abdul Halim Muadzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah | 1970 - 1975 |
| Tuanku Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim Petra | 1975 - 1979 |
| Sultan Haji Ahmad Shah ibni Almarhum Sultan Sir Abu Bakar Riayatuddin Al-Muadzam Shah | 1979 - 1984 |
| Sultan Iskandar Al-Haj ibni Almarhum Sultan Ismail | 1984 - 1989 |
| Sultan Azlan Muhibbudin Shah ibni Almarhum Sultan Yusuff Izzudin Shah Ghafarullah | 1989 - 1994 |
| Tuanku Jaafar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman | 1994 - 1999 |
| Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj | 1999 - 2001 |
| Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail | 2001 - 2006 |
| Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Al-Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah Al-Haj | 2006 - 2011 |
| Tuanku Alhaj Abdul Halim Muadzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah | 2011 - kini |

# GELARAN DIRAJA

| Lelaki | Isteri |
|---|---|
| Yang di-Pertuan Agong | Raja Permaisuri Agong |

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT

| Anugerah | Huruf Ringkas | Gelaran Penerima Lelaki / Perempuan | Isteri |
|---|---|---|---|
| Seri Pahlawan Gagah Perkasa | S.P. | Tiada | Tiada |
| Darjah Kerabat Diraja Malaysia | D.K.M. | Tiada | Tiada |
| Darjah Utama Seri Mahkota Negara | D.M.N. | Tiada | Tiada |
| Seri Maharaja Mangku Negara | S.M.N. | Tun | Toh Puan |
| Seri Setia Mahkota Malaysia | S.S.M. | Tun | Toh Puan |
| Darjah Bakti | D.B. | Tiada | Tiada |
| Panglima Mangku Negara | P.M.N. | Tan Sri | Puan Sri |
| Panglima Setia Mahkota | P.S.M. | Tan Sri | Puan Sri |
| Panglima Jasa Negara | P.J.N. | Datuk | Datin |
| Panglima Setia Diraja | P.S.D. | Datuk | Datin |
| Johan Mangku Negara | J.M.N. | Tiada | Tiada |
| Johan Setia Mahkota | J.S.M. | Tiada | Tiada |
| Johan Setia Diraja | J.S.D. | Tiada | Tiada |
| Kesatria Mangku Negara | K.M.N. | Tiada | Tiada |
| Kesatria Setia Diraja | K.S.D. | Tiada | Tiada |
| Ahli Mangku Negara | A.M.N. | Tiada | Tiada |
| Pingat Pangkuan Negara | P.P.N. | Tiada | Tiada |
| Bentara Setia Diraja | B.S.D. | Tiada | Tiada |
| Panglima Gagah Berani | P.G.B. | Tiada | Tiada |
| Jasa Perkasa Persekutuan | J.P.P. | Tiada | Tiada |
| Pingat Tentera Udara | P.T.U. | Tiada | Tiada |
| Pingat Kebaktian | P.K. | Tiada | Tiada |
| Pingat Khidmat Berbakti | P.K.B. | Tiada | Tiada |
| Pingat Perkhidmatan Setia | P.P.S. | Tiada | Tiada |
| Kepujian Perutusan Keberanian | K.P.K. | Tiada | Tiada |
| Pingat Perkhidmatan Am | P.P.A. | Tiada | Tiada |
| Pingat Peringatan Malaysia | P.P.M. | Tiada | Tiada |
| Pingat Negara Bangsa-Bangsa Bersatu | P.N.B.B. | Tiada | Tiada |
| Pingat Jasa Malaysia | P.J.M. | Tiada | Tiada |
| Pingat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong | Tiada | Tiada | Tiada |

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

# PAHANG






PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# PAHANG DARUL MAKMUR

## Sejarah

Sejarah Negeri Pahang bermula sebelum kerajaan Kesultanan Melayu Melaka ditubuhkan. Wilayah bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu semuanya termasuk dalam kawasan kerajaan Pahang. Orang Jawa Majapahit zaman dahulu menyebut Semenanjung Tanah Melayu sebagai Pahang sahaja. Pada awal kurun Masihi ke-16, pada permulaan terdirinya kerajaan Melayu Johor, sempadan Negeri Pahang Darul Makmur, di sebelahnya sampai ke Sedili Besar dan di utara sampai ke Terengganu, sempadan ke baratnya pula sampai ke Rembau, Selangor dan Perak. Negeri Pahang Darul Makmur sekarang ini di sebelah utara dan baratnya dilingkungi oleh banjaran gunung dan di sebelah timurnya terbentang Laut China Selatan.

## Geografi

Negeri Pahang ialah sebuah negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia dengan keluasan 36,137 kilometer persegi iaitu meliputi 10.9% jumlah keluasan kawasan di Malaysia. Kuantan ialah ibu negeri Pahang. Negeri Pahang adalah terbahagi kepada sebelas daerah iaitu Kuantan, Pekan, Rompin, Maran, Temerloh, Jerantut, Bentong, Raub, Lipis, Cameron Highlands dan Bera. Negeri Pahang mempunyai jumlah penduduk kira-kira 1,500,817 orang (bancian penduduk tahun 2010). Daripada jumlah ini, 79% adalah kaum Bumiputera, 16.2% kaum Cina, 4.4% India dan 0.4% lain-lain. Purata kepadatan penduduk adalah 42 orang setiap kilometer persegi.



## Sistem Pemerintahan

Sistem pemerintahan negeri ini dijalankan dengan sistem pemerintahan raja berperlembagaan dari semenjak zaman dahulu hingga sekarang. Keturunan raja Melaka adalah yang paling lama memerintah negeri Pahang dan pemerintahan daripada waktu itu memakai gelaran Sultan dan memerintah lebih dari 200 tahun semenjak daripada raja bernama Sultan Mahmud Shah yang masyhur di dalam Sejarah Marhum Mangkat Dijulang dalam tahun 1699. Ketua Negeri ialah DYMM Sultan Pahang yang dinasihatkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Menteri Besar.

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

# SALASILAH RAJA / SULTAN

| Sultan | Tahun Pemerintahan |
|---|---|
| Sultan Muhammad Shah I | 1470 - 1475 |
| Sultan Abdul Jamil Shah | 1475 - 1475 |
| Sultan Ahmad Shah I | 1475 - 1497 |
| Sultan Mansur Shah I | 1497 - 1519 |
| Sultan Mahmud Shah II | 1519 - 1530 |
| Sultan Muzaffar Shah | 1530 - 1542 |
| Sultan Zainal Abidin Shah | 1540 - 1555 |
| Sultan Mansur Shah II | 1555 - 1560 |
| Sultan Abdul Jamil Shah II | 1560 - 1575 |
| Sultan Abdul Kadir Alauddin Shah | 1575 - 1590 |
| Sultan Ahmad Shah II | 1590 - 1592 |
| Sultan Abdul Ghafur Muhiuddin Shah | 1592 - 1614 |
| Sultan Alauddin Riayat Shah | 1614 - 1641 |
| Raja Bujang | 1615 - 1623 |
| Raja Bajau | 1641 - 1676 |
| Raja Ibrahim | 1676 - 1688 |
| Tun Habib Abdul Majid bin Tun Mat Ali | 1688 - 1697 |
| Tun Abdul Jalil bin Tun Habib Abdul Majid | 1697 - 1699 |
| Tun Mas Anom bin Tun Habib Abdul Majid | 1699 - 1708 |
| Tun Abdullah bin Tun Habib Abdul Majid | 1708 - 1716 |
| Tun Abdul Djamal bin Tun Habib Abdul Majid | 1718 - 1721 |
| Tun Abbas ibni Sultan Abdul Jalil IV | 1722 - 1724 |
| Tun Husain ibni Sultan Abdul Jalil IV | 1724 - 1734 |
| Tun Mutahir I ibni Sultan Abdul Jalil IV | 1734 - 1748 |
| Tun Hasan bin Tun Abbas | 1748 - 1777 |
| Tun Abdul Majid bin Tun Hasan | 1777 - 1802 |
| Tun Muhammad bin Tun Abdul Majid | 1802 - 1803 |
| Tun Koris bin Tun Abdul Majid | 1803 - 1806 |
| Tun Ali bin Tun Koris | 1806 - 1847 |
| Tun Mutahir bin Tun Ali | 1847 - 1863 |
| Tun Ahmad | 1863 - 1882 |
| Sultan Ahmad Muazzam Shah | 1882 - 1914 |
| Sultan Mahmud Shah | 1914 - 1917 |
| Sultan Abdullah | 1917 - 1932 |
| Sultan Abu Bakar | 1932 - 1974 |
| Sultan Ahmad Shah | 1974 - kini |

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# GELARAN DIRAJA

| Lelaki | Isteri | |
|---|---|---|
| | Kerabat Di Raja | Orang Kebanyakan |
| Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang | Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang | Tiada |
| Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang | Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang | Tiada |
| Yang Amat Mulia Tengku Muda Pahang | Yang Amat Berbahagia Cik Puan Muda Pahang | Tiada |
| Yang Amat Mulia Tengku Arif Temenggong Pahang | Tiada | Tiada |
| Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara Pahang | Yang Amat Berbahagia Cik Puan Bendahara | Tiada |
| Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Lela Wangsa Pahang (Perempuan) | Tiada | Tiada |
| Yang Amat Mulia Tengku Besar Pahang | Yang Amat Berbahagia Cik Puan Tengah | Tiada |
| Yang Amat Mulia Tengku Seri Nila Utama Pahang (Perempuan) | Tiada | Tiada |
| Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Teja Pahang (Perempuan) | Tiada | Tiada |
| Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Kemala Pahang (Perempuan) | Tiada | Tiada |
| Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Lela Manja Pahang (Perempuan) | Tiada | Tiada |
| Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Bongsu Pahang (Perempuan) | Tiada | Tiada |
| Yang Amat Mulia Tengku Panglima Perang Pahang (Perempuan) | Tiada | Tiada |
| Yang Amat Mulia Tengku Panglima Besar Pahang | Yang Amat Berbahagia Cik Puan Panglima Besar | Tiada |

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# GELARAN TURUN-TEMURUN

| Lelaki | Perempuan |
|---|---|
| Tengku | Tengku |
| Engku | Engku |
| Wan | Wan |
| Che Wan | Che Wan |

# DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT

| Anugerah | Huruf Ringkas | Gelaran Penerima Lelaki / Perempuan | Isteri |
|---|---|---|---|
| Darjah Kerabat Yang Maha Utama Kerabat DiRaja Pahang | D.K.P. | Tiada | Tiada |
| Darjah Kerabat Sri Indera Mahkota Pahang Yang Amat Di Hormati | D.K. I | Tiada | Tiada |
| Darjah Kerabat Sri Indera Mahkota Pahang Yang Amat Di Hormati | D.K. II | Tiada | Tiada |
| **Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat Di Mulia - (Peringkat Utama)** | | | |
| Sri Diraja Sultan Ahmad Shah Pahang | S.D.S.A. | Dato' Sri Diraja | Datin Sri Diraja |
| **Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat Di Mulia - (Peringkat Pertama)** | | | |
| Sri Sultan Ahmad Shah Pahang | S.S.A.P. | Dato' Sri | Datin Sri |
| **Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat Di Mulia - (Peringkat Pertama)** | | | |
| Sri Indera Mahkota Pahang | S.I.M.P. | Dato' | Datin |
| **Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat Di Mulia - (Peringkat Kedua)** | | | |
| Sri Sultan Ahmad Shah Pahang | D.S.A.P. | Dato' | Datin |
| **Darjah Kebesaran Mahkota Pahang Yang Amat Mulia - (Peringkat Kedua)** | | | |
| Sri Indera Mahkota Pahang | D.I.M.P. | Dato' | Datin |
| **Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat Di Mulia - (Peringkat Ketiga)** | | | |
| Setia Ahmad Shah Pahang | S.A.P. | Tiada | Tiada |
| **Darjah Kebesaran Mahkota Pahang Yang Amat Mulia - (Peringkat Ketiga)** | | | |
| Setia Mahkota Pahang | S.M.P. | Tiada | Tiada |

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

| Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat Mulia - (Peringkat Keempat) | | | |
|---|---|---|---|
| Ahli Ahmad Shah Pahang | A.A.P. | Tiada | Tiada |
| **Darjah Kebesaran Mahkota Pahang Yang Amat Mulia - (Peringkat Keempat)** | | | |
| Ahli Mahkota Pahang | A.M.P. | Tiada | Tiada |
| **Pingat** | | | |
| Pingat Khidmat Cemerlang | P.K.C. | Tiada | Tiada |
| Pingat Gagah Perwira | P.G.P. | Tiada | Tiada |
| Tauliah Lantikan Jaksa Pendamai | J.P. | Tiada | Tiada |
| Pingat Kelakuan Terpuji | P.K.T. | Tiada | Tiada |
| Pingat Jasa Kebaktian | P.J.K. | Tiada | Tiada |

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

# PERAK



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# PERAK DARUL RIDZUAN

## Sejarah

Negeri Perak Darul Ridzuan telah wujud pada zaman pra-sejarah lagi. Kota Tampan di Lenggong merupakan satu-satunya kawasan yang menjadi bukti kewujudan Zaman Batu Lama di Tanah Melayu. Negeri Perak merentasi Zaman Hoabinhian seterusnya Zaman Batu Baru dan Zaman Logam. Titik sejarah Negeri Perak bermula dengan penabalan Sultan Mudzaffar Syah I yang berketurunan dari Sultan Mahmud Syah Melaka pada tahun l528. Walaupun zaman Kesultanan Negeri Perak telah muncul tetapi kuasa-kuasa tempatan masih diakui berkuasa. Corak pemerintahan yang dijalankan adalah urutan dari sistem feudal di Melaka yang berdemokrasi. Negeri Perak telah dikenali ekoran dari penemuan bijih timah di Larut pada tahun l848 oleh Cik Long Jaafar. Dengan penemuan ini, ekonomi Negeri Perak berkembang dengan pesat dan lebih banyak kawasan perlombongan dibuka. Selain bijih timah, getah juga memainkan peranan yang penting dan ditanam setelah 34 orang Sultan memerintah secara turun-temurun.

## Geografi

Negeri Perak Darul Ridzuan merupakan negeri yang kedua terbesar di Semenanjung Malaysia selepas Pahang dengan keluasan 21,035 kilometer persegi. Negeri Perak meliputi kawasan 6.4% daripada jumlah keluasan Malaysia. Perak terbahagi kepada sepuluh daerah iaitu Batang Padang, Kinta, Kuala Kangsar, Larut, Matang dan Selama, Kerian, Manjung, Hilir Perak, Perak Tengah dan Hulu Perak. Bandar-bandar utama di Perak ialah Ipoh, Kuala Kangsar, Taiping, Batu Gajah, Teluk Intan dan Kampar. Negeri Perak mempunyai jumlah penduduk kira-kira 2,352,743 orang (bancian penduduk tahun 2010). Daripada jumlah ini, 57% adalah kaum Bumiputera, 30.4% kaum Cina, 12.3% kaum India dan 0.3% lain-lain kaum. Purata kepadatan penduduk adalah 112 orang setiap kilometer persegi.

## Sistem Pemerintahan

Sultan Negeri Perak merupakan Ketua Perlembagaan Negeri. Di bawah perlembagaan negeri, kuasa perundangan dipunyai oleh Dewan Undangan Negeri Perak. Dewan ini melantik ahli-ahli Dewan untuk membentuk Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau EXCO Negeri yang diketuai oleh Menteri Besar memegang kuasa eksekutif dan merupakan badan yang membuat dasar kerajaan negeri. Menteri Besar yang dilantik oleh Sultan adalah daripada parti politik yang memenangi kerusi yang terbanyak di dalam Dewan Undangan Negeri.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# SALASILAH RAJA / SULTAN

| Sultan | Tahun Pemerintahan |
|---|---|
| Sultan Mudzaffar Shah I | 1528 – 1549 |
| Sultan Mansur Shah I | 1549 – 1577 |
| Sultan Ahmad Tajuddin Shah | 1577 – 1584 |
| Sultan Tajul Ariffin Shah | 1584 – 1594 |
| Sultan Alauddin Shah | 1594 – 1603 |
| Sultan Mukaddam Shah | 1603 – 1619 |
| Sultan Mansur Shah II | 1619 – 1627 |
| Sultan Mahmud Shah I | 1627 – 1630 |
| Sultan Sallehuddin Shah | 1630 – 1636 |
| Sultan Mudzaffar Shah II | 1636 – 1653 |
| Sultan Mahmud Iskandar Shah | 1653 – 1720 |
| Sultan Alauddin Mughayat Shah | 1720 – 1728 |
| Sultan Mudzaffar Shah III | 1728 – 1752 |
| Sultan Muhamad Shah | 1744 – 1750 |
| Sultan Iskandar Dzulkarnain | 1752 – 1765 |
| Sultan Mahmud Shah II | 1765 – 1773 |
| Sultan Alauddin Mansur Shah | 1773 – 1786 |
| Sultan Ahmaddin Shah | 1786 – 1806 |
| Sultan Abdul Malik Mansur Shah | 1806 – 1825 |
| Sultan Abdullah Muadzam Shah | 1825 – 1830 |
| Sultan Shahabuddin Riayat Shah | 1830 – 1851 |
| Sultan Abdullah Muhammad Shah I | 1851 – 1857 |
| Sultan Jaafar Safiuddin Muadzam Shah | 1857 – 1865 |
| Sultan Ali al-Mukammal Inayat Shah | 1865 – 1871 |
| Sultan Ismail al-Muabidin Riayat Shah | 1871 – 1874 |
| Sultan Abdullah Muhammad Shah II | 1874 – 1876 |
| Sultan Yusuf Sharifuddin Mudzaffar Shah | 1876 – 1887 |
| Sultan Idris Murshidul 'Adzam Shah | 1887 – 1916 |
| Sultan Abdul Jalil Nasruddin al-Muhtara Shah | 1916 – 1918 |
| Sultan Iskandar Shah | 1918 – 1938 |
| Sultan Abdul Aziz al-Mutasim Billah Shah | 1938 – 1948 |
| Sultan Yussuf Izzuddin Shah | 1948 – 1963 |
| Sultan Idris al-Mutawakkil Alallahi Shah | 1963 – 1984 |
| Sultan Azlan Muhibbuddin Shah | 1984 – kini |

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# GELARAN DIRAJA

| Lelaki | Isteri | |
|---|---|---|
| | Kerabat Di Raja | Orang Kebanyakan |
| Paduka Seri Sultan | Raja Perempuan | Raja Permaisuri |
| Raja Muda | Raja Puan Besar | Cik Puan Besar |
| Raja Di Hilir | Raja Puan Muda | Cik Puan Muda |
| Raja Kecil Besar | Tiada | Tiada |
| Raja Kecil Sulong | Tiada | Tiada |
| Raja Kecil Tengah | Tiada | Tiada |
| Raja Kecil Bongsu | Tiada | Tiada |

# ANUGERAH / GELARAN DIRAJA (ORANG BESAR NEGERI PERAK)

| ORANG BESAR EMPAT | |
|---|---|
| **Lelaki** | **Isteri** |
| Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja | Toh Puan |
| Orang Kaya Besar Maharaja Diraja | Toh Puan |
| Orang Kaya Temenggong Paduka Raja | Toh Puan |
| Orang Kaya Menteri Paduka Tuan | Toh Puan |
| **ORANG BESAR DELAPAN** | |
| **Lelaki** | **Isteri** |
| Orang Kaya Kaya Laksamana Raja Mahkota | Toh Puan |
| Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda | Toh Puan |
| Orang Kaya Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja | Toh Puan |
| Orang Kaya Kaya Shahbandar Paduka Indra | Toh Puan |
| Orang Kaya Kaya Setia Bijaya Diraja | Toh Puan |
| Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tuan | Toh Puan |
| Orang Kaya Kaya Mahakurnia Indra Diraja | Toh Puan |
| Orang Kaya Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja | Toh Puan |

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

| ORANG BESAR ENAM BELAS | |
|---|---|
| **Lelaki** | **Isteri** |
| Toh Seri Maharaja Lela | Tiada |
| Toh Paduka Indera | Tiada |
| Toh Maharaja Dewa | Tiada |
| Toh Maharaja Indera | Tiada |
| Toh Shahbandar Ulu | Tiada |
| Toh Tan Dewa Paduka | Tiada |
| Toh Paduka Setia | Tiada |
| Toh Sedewa Raja | Tiada |
| Toh Paduka Raja | Tiada |
| Toh Perdana Indera | Tiada |
| Toh Indera Jaya | Tiada |
| Toh Amar Seri Diraja | Tiada |
| Toh Seri Lela Paduka | Tiada |
| Toh Raja Diraja | Tiada |
| Toh Seri Bijaya | Tiada |
| Toh Seri Wangsa | Tiada |

| TOH MUDA ORANG BESAR EMPAT | |
|---|---|
| **Lelaki** | **Isteri** |
| Toh Muda Orang Kaya Besar Maharaja di-Raja | Tiada |
| Toh Muda Orang Kaya Temenggong Paduka Raja | Tiada |
| Toh Muda Orang Kaya Menteri Paduka Tuan | Tiada |
| Toh Muda Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja | Tiada |

| TOH MUDA ORANG BESAR DELAPAN | |
|---|---|
| **Lelaki** | **Isteri** |
| Toh Muda Orang Kaya Kaya Laksamana Raja Mahkota | Tiada |
| Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Syahbandar Muda | Tiada |
| Toh Muda Orang Kaya Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa DiRaja | Tiada |
| Toh Muda Orang Kaya Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar di-Raja | Tiada |
| Toh Muda Orang Kaya Kaya Shahbandar Paduka Indera | Tiada |
| Toh Muda Orang Kaya Kaya Setia Bijaya di-Raja | Tiada |
| Toh Muda Orang Kaya Kaya Mahakurnia | Tiada |
| Toh Muda Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tuan | Tiada |

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

| ORANG BESAR TIGA PULUH DUA | |
|---|---|
| **Lelaki** | **Isteri** |
| Toh Tan Dewa Sakti | Tiada |
| Toh Kamar Lela | Tiada |
| Toh Seri Indera Lela | Tiada |
| Toh Sakna Bongsu | Tiada |
| Toh Tan Dewa Raja | Tiada |
| Toh Rakna Sakti | Tiada |
| Toh Purba Diraja | Tiada |
| Toh Jana Pahlawan | Tiada |
| Toh Sa Indera Lela | Tiada |
| Toh Bahagia Negara | Tiada |
| Toh Amar Pahlawan | Tiada |
| Toh Mangku Diraja | Tiada |
| Toh Dewa Mahkota | Tiada |
| Toh Sakna Menteri | Tiada |
| Toh Demang Perwira | Tiada |
| Toh Indera Wangsa | Tiada |
| Toh Mekong | Tiada |
| Toh Lela Indera | Tiada |
| Toh Mahkota Lela | Tiada |
| Toh Amar DiWangsa | Tiada |
| Toh Pekerma Wati | Tiada |
| Toh Johan Pahlawan | Tiada |
| Toh Pendewa Sakti | Tiada |
| Toh Kelana Perkasa | Tiada |
| Toh Kelana Diraja | Tiada |
| Toh Kohor Alam | Tiada |
| Toh Sukar DiLawan | Tiada |
| Toh Pendekar Alam | Tiada |
| Toh Bijaya Wati | Tiada |
| Toh Puspa Wati | Tiada |
| Toh Bahtera Diraja | Tiada |
| Toh Suri Wati | Tiada |

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# GELARAN TURUN-TEMURUN

| Lelaki | Perempuan |
|---|---|
| Raja | Raja |
| Syed | Sharifah |
| Megat | Puteri |
| Meor | Hartum |
| Wan | Wan |

# DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT

| Anugerah | Huruf Ringkas | Gelaran Penerima Lelaki / Perempuan | Isteri |
|---|---|---|---|
| **Darjah Kerabat Diraja Yang Amat Dihormati** | | | |
| Darjah Kerabat | D.K. | Tiada | Tiada |
| **Darjah Kerabat Seri Paduka Sultan Azlan Shah Perak Yang Amat Dihormati** | | | |
| Darjah Kerabat Sultan Azlan | D.K.S.A. | Tiada | Tiada |
| **Darjah Kebesaran Seri Paduka Sultan Azlan Shah Perak Yang Amat Dimulia** | | | |
| Dato' Seri Paduka Sultan Azlan | S.P.S.A. | Dato' Seri Diraja | Datin Seri Diraja |
| **Darjah Yang Amat Mulia Paduka Cura Si Manja Kini** | | | |
| Pangkat Pertama Seri Paduka Cura Simanja Kini | S.P.C.M. | Dato' Seri | Datin Seri |
| Pangkat Kedua Dato' Paduka Cura Simanja Kini | D.P.C.M. | Dato' | Datin |
| Pangkat Ketiga Paduka Cura Simanja Kini | P.C.M. | Tiada | Tiada |
| Pangkat Keempat Ahli Cura Simanja Kini | A.C.M. | Tiada | Tiada |
| **Darjah Yang Amat Mulia Panglima Taming Sari** | | | |
| Pangkat Pertama Seri Panglima Taming Sari | S.P.T.S. | Dato' Seri Panglima | Tiada |
| Pangkat Kedua Dato' Pahlawan Taming Sari | D.P.T.S. | Dato' Pahlawan | Tiada |

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

| Darjah Yang Amat Mulia Paduka Mahkota Perak | | | |
|---|---|---|---|
| Pangkat Pertama Seri Paduka Mahkota Perak | S.P.M.P. | Dato' Seri | Datin Seri |
| Pangkat Kedua Dato' Paduka Mahkota Perak | D.P.M.P. | Dato' | Datin |
| Pangkat Ketiga Paduka Mahkota Perak | P.M.P. | Tiada | Tiada |
| Pangkat Keempat Ahli Mahkota Perak | A.M.P. | Tiada | Tiada |
| **Pingat** | | | |
| Pingat Keberanian Handal | P.K.H. | Tiada | Tiada |
| Pingt Pekerti Terpilih | P.P.T. | Tiada | Tiada |
| Pingat Jasa Kebaktian | P.J.K. | Tiada | Tiada |
| Pingat Lama Perkhidmatan | P.L.P. | Tiada | Tiada |
| **Tauliah Lantikan** | | | |
| Tauliah Lantikan Jaksa Pendamai | J.P. | Tiada | Tiada |

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# TERENGGANU





PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

# TERENGGANU DARUL IMAN

## Sejarah

Terengganu adalah negeri Melayu pertama menerima agama Islam, seperti yang dibuktikan oleh batu bersurat bertarikh 1303 dengan ukiran tulisan Arab yang ditemui di Kuala Berang, ibu daerah Hulu Terengganu. Terengganu menjadi negeri taklukan Melaka, tetapi mengekalkan autonomi besar dengan kemunculan Riau-Johor. Terengganu muncul sebagai kesultanan bebas pada tahun 1724. Sultan pertama ialah Tun Zainal Abidin. Walau bagaimanapun, dalam buku Tuhfat al-Nafis menyebut bahawa pada tahun 1708, Tun Zainal Abidin telah dilantik sebagai Sultan Terengganu oleh Daeng Menampuk juga dikenali sebagai Raja Tua di bawah pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Dalam abad ke-19, Terengganu menjadi negeri taklukan Siam, dan setiap tahun memberi ufti bunga mas kepada Raja Siam. Syarat-syarat Perjanjian Inggeris-Siam 1909 menyaksikan kuasa ke atas Terengganu dipindahkan kepada British. Langkah ini telah menimbulkan pemberontakan pada tahun 1928. Pasukan tentera British yang digunakan untuk menindas pemberontakan oleh rakyat Terengganu yang diketuai oleh Haji Abdul Rahman Limbong. Semasa Perang Dunia kedua, Jepun menduduki Terengganu dan kedaulatan dipindahkan seluruh negeri kembali ke Siam pada tahun 1939, bersama-sama dengan Kelantan, Kedah dan Perlis. Selepas kekalahan Jepun, kawalan British ke atas negeri-negeri Melayu telah dikembalikan semula. Terengganu menjadi Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948.

## Geografi



Negeri Terengganu mempunyai keluasan kira-kira 13,035 kilometer persegi iaitu meliputi 3.9% jumlah keluasan kawasan di Malaysia. Ibu negeri Terengganu ialah Kuala Terengganu. Terdapat lapan buah daerah di Terengganu iaitu Besut, Dungun, Hulu Terengganu, Kemaman, Kuala Terengganu, Marang, Setiu dan Kuala Nerus. Bandar Diraja Terengganu adalah Kuala Terengganu. Terengganu mempunyai jumlah penduduk kira-kira 1,035,977 orang (bancian penduduk tahun 2010). Daripada jumlah ini, 97% adalah kaum Bumiputera, 2.6% kaum Cina, 0.2% kaum India dan 0.1% lain-lain kaum. Purata kepadatan penduduk adalah 79 orang bagi setiap kilometer persegi.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

## Sistem Pemerintahan

Negeri ini mengamalkan sistem raja berperlembagaan sejak turun-temurun dan bermula seawal tahun 1708. Sultan pertama yang memerintah Terengganu adalah Sultan Zainal Abidin. Sultan Terengganu merupakan Ketua Perlembagaan Negeri. Di bawah perlembagaan negeri, kuasa perundangan dipunyai oleh Dewan Undangan Negeri. Dewan ini melantik ahli-ahli Dewan untuk membentuk Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau EXCO yang diketuai oleh Menteri Besar yang memegang kuasa eksekutif dan merupakan badan yang membuat dasar kerajaan negeri. Menteri Besar yang dilantik oleh Sultan adalah daripada parti politik yang memenangi kerusi yang terbanyak di dalam Dewan Undangan Negeri.

# SALASILAH RAJA / SULTAN

| Sultan | Tahun Pemerintahan |
|---|---|
| Sultan Zainal Abidin | 1708 - 1733 |
| Sultan Mansur Riayat Shah I | 1733 - 1794 |
| Sultan Zainal Abidin Shah II | 1794 - 1808 |
| Sultan Ahmad Muazzam Shah I | 1808 - 1830 |
| Sultan Abdul Rahman Shah | 1830 |
| Sultan Daud | 1830 - 1831 |
| Sultan Mansur Riayat Shah II | 1831 - 1837 |
| Sultan Muhammad Muazzam Shah I | 1837 - 1839 |
| Baginda Omar | 1839 - 1876 |
| Sultan Ahmad Muazzam Shah II | 1876 - 1881 |
| Sultan Zainal Abidin Shah III | 1881 - 1918 |
| Sultan Muhammad Muazzam Shah II | 1918 - 1920 |
| Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah | 1920 - 1942 |
| Tengku Ali | 1942 - 1945 |
| Sultan Ismail Nasaruddin Shah | 1945 - 1979 |
| Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah | 1979 - 1998 |
| Sultan Mizan Zainal Abidin | 1998 - kini |

# GELARAN DIRAJA

| Lelaki | Isteri |
|---|---|
| Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan | Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah |
| Duli Yang Teramat Mulia Yang Di-Pertuan Muda | Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda |

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# GELARAN TURUN-TEMURUN

| Lelaki | Perempuan |
|---|---|
| Tengku | Tengku |
| Engku | Engku |
| Syed | Sharifah |
| Che' Ku | Che' Ku |
| Che' Wan | Che' Wan |
| Wan | Wan |
| Encik | Cik |

# GELARAN-GELARAN KEBESARAN NEGERI (TENGKU BERGELAR)

| Gelaran-gelaran dikurniakan kepada yang berketurunan raja | |
|---|---|
| **Lelaki** | **Perempuan** |
| Tengku Puan Muda | Tengku Seri Ismara Raja |
| Tengku Besar Terengganu | Tengku Bentara Raja |
| Tengku Sri Bendahara Raja | Tengku Bentara Dalam |
| Tengku Sri Panglima Raja | Tengku Lela Segara |
| Tengku Sri Temenggong Raja | Tengku Kemala Puri (Perempuan) |
| Tengku Sri Raja | Tengku Indera Segara |
| Tengku Sri Paduka Raja | Tengku Bentara Muda |
| Tengku Sri Laksamana Raja | Tengku Bendahari |
| Tengku Seri Indera Raja | Tengku Bentara Puan (Perempuan) |
| Tengku Seri Pekerma Raja | Tengku Kesuma Puri (Perempuan) |
| Tengku Seri Bijaya Raja | Tengku Nila Rakna |
| Tengku Seri Wa Raja | Tengku Pekerma Wira |
| Tengku Seri Kelana Raja | Tengku Kecil Muda |
| Tengku Seri Setia Raja | Tengku Besar Paduka Indera |
| Tengku Seri Wangsa Raja | Tengku Panglima Besar |
| Tengku Seri Kemala | Tengku Nila Puri |
| Tengku Seri Aria Raja | Tengku Nara Wangsa |
| Tengku Seri Utama Raja | |

| Gelaran-gelaran dikurniakan kepada berketurunan Syed | |
|---|---|
| **Lelaki** | **Perempuan** |
| Engku Bijaya Sura | Engku Besar Paduka Raja |
| Engku Bijaya Wangsa | Engku Tandang Wangsa |
| Engku Seri Pengeran Setia | Engku Pengeran Anum |
| Engku Kelana Di Raja | Engku Syed Sri Perdana |
| Engku Pengiran Arif Di Raja | |

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# GELARAN-GELARAN KEBESARAN NEGERI (DATO' BERGELAR)

| Gelaran Penerima | Gelaran Isteri |
|---|---|
| Dato' Bijaya Di Raja | To' Puan |
| Dato' Wira Jaya | To' Puan |
| Dato' Setia Wangsa | To' Puan |
| Dato' Bentara Luar | To' Puan |
| Dato' Lela Perkasa | To' Puan |
| Dato' Kaya Jasa | To' Puan |
| Dato' Seri Amar Diraja | To' Puan |
| Dato' Maha Kurnia | To' Puan |

| Gelaran Penerima | Gelaran Isteri |
|---|---|
| Dato' Kelana Setia | To' Puan |
| Dato' Setia Bakti | To' Puan |
| Dato' Senara Muda | To' Puan |
| Dato' Maha Jasa | To' Puan |
| Dato' Kaya Setia | To' Puan |
| Dato' Setia Jaya | To' Puan |
| Dato' Rakna Bijaya | To' Puan |
| Dato' Bentara Setia | To' Puan |
| Dato' Bentara Muda | To' Puan |
